

SUKAN BARU KAMPUS

DODGEBALL HUBUNG PENUNTUT DENGAN KOMUNITI

NURHAZAH IBRAHIM

DODGEBALL mungkin ada yang tidak mempunyai idea tentang apa itu dodgeball dan mungkin ada yang akan teringat kembali kepada filem *Dodgeball: A True Underdog Story*. Sebenarnya, dodgeball boleh dikatakan sejenis sukan yang baru mahu mencari tempat di dalam negara.

Walaupun permainan ini sudah lama dimainkan di peringkat antarabangsa, namun langkah Persatuan Dodgeball Malaysia (MAD) mendekatkan sukan ini kepada golongan belia berlandaskan slogan 'Menghubungkan Individu Kepada Komuniti' adalah satu idea yang diharapkan mampu membina generasi sihat dan aktif serta menyatukan mereka.

Bergerak di bawah Kementerian Belia dan Sukan, inisiatif MAD mempopularkan sukan berkenaan melalui Liga Dodgeball Kampus. Sukan telah menarik

minat komuniti mahasiswa di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Lembah Klang.

Tidak dinafikan dodgeball adalah sukan baru, namun inisiatif MAD bergerak dari kampus ke kampus dengan menyebarkan informasi sukan berkenaan telah menambahkan bilangan pasukan yang menyertai liga tahunan kali ini.

Menurut Setiausaha MAD, Yeo Wai Tat, Liga Dodgeball yang diperkenalkan baru masuk tahun kedua, tetapi sambutan yang diterima di luar dugaan.

"Apa yang penting sekali dalam sukan dodgeball ini ialah semangat bekerjasama antara satu sama lain."

"Seiring dengan slogan, kami ingin mewujudkan satu komuniti yang dapat memahami dan saling toleransi antara satu sama lain, yang dibentuk daripada sukan dodgeball ini," katanya ketika ditemui pada pertandingan dodgeball yang diadakan

di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Katanya, acara sukan yang memerlukan strategi, kecerdasan fizikal serta semangat berpasukan itu masih di peringkat awal untuk menambah hati golongan belia. MAD berharap dengan tertubuhnya liga berkenaan, kewujudan kelab-klub dodgeball di IPT semakin meriah.

"Namun, tidak ramai yang tahu mengenai dodgeball kerana itulah MAD menjadikan IPT sebagai sasaran untuk menubuhkan satu kelab di universiti masing-masing bagi membantu mempopularkan sukan ini," katanya.

Menariknya, MAD menampilkan sukan komuniti ini, dengan konsep yang berbeza di mana setiap pasukan terlibat dalam sesebuah perlawanan, mereka akan membawa pasukan sorak.

Seusai perlawanan kedua-dua pasukan, pasukan sorak akan mengambil alih gelanggang lalu mempertontonkan gerakan tari.

Persembahan berkenaan turut diambil kira sebagai markah, selain tugas mereka bagi menaikkan semangat pasukan dalam perlawanan itu.

Malah, tidak cukup dengan sorakan, setiap pasukan akan tampil dengan pengulas sukan yang akan mengulas secara langsung sepanjang perlawanan diadakan manakala penulis akan melaporkan permainan yang disertai pasukannya dalam sebuah blog disediakan pengajar.

Menurut Wai Tat, konsep berkenaan dilakukan secara kohesif yang tidak hanya tertumpu kepada perlawanan semata-mata.

"Wujudnya konsep sedemikian kami dapat mencungkil bakat dalam kalangan penuntut dan menjadikan mereka lebih kreatif," katanya.

Mengulas tentang kurangnya penglibatan institusi pengajian tinggi awal (IPTA), Wai Tat berkata, usia liga dodgeball masih setahun jagung dan pihaknya akan menjalankan promosi secara agresif sekitar IPTA.

ELEMEN KEJUJURAN

Selain konsep yang ditampilkan, perkara yang menarik dalam permainan ini adalah elemen kejujuran. Peserta sendiri perlu mengakui kesalahan selepas bola yang dibaling terkena pada badannya.

Tetapi sekiranya ada peserta yang tidak jujur, pengadil yang diakhaskan memantau permainan untuk membuat keputusan, sama ada mengeluarkan peserta tersebut atau tidak.

Perkara ini diakui penuntut Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Muhd Irfab Shuhaimi, 19. Katanya, apabila peserta



Pasukan Universiti UCSI berteriak gembira apabila mengalahkan Universiti/Kolej Segi dalam perlawanan akhir Liga Kampus Dodgeball 2010, Sabtu lalu.



Sorakan dan persembahan pasukan sorak turut memperkuri perlawanan pihak juri.

terkena bola secara automatik pemain akan terus keluar gelanggang.

"Ini kerana nilai kejujuran itu sudah ada dalam diri dan tanpa perlu diberitahu kami akan keluar gelanggang," katanya sambil menyifatkan sukan dodgeball cukup mudah dimainkan, di mana pemain hanya perlu tangkap dan baling bola ke arah lawan.

Bagi Kapten Pasukan Lake Side Storm, Universiti Taylor, Jerrad Leong, 19, sukan dodgeball ialah

perlawanan 'bersih', hanya perlu memahami bahasa gerakan badan.

"Setenarnya dodgeball ialah permainan yang sangat mudah jika kita tahu tekniknya."

"Sukan ini suatu yang baru dan mahu berkembang dalam kalangan penuntut IPT. Ia perlu diterokai golongan remaja," katanya sambil memberitahu, Universiti Taylor kini mempunyai 30 ahli dalam kelab dodgeball mereka.

Perkara asas yang perlu ada dalam dodgeball hanya lompat dan menangkap bola.



Perlawanan selama 10 minit memerlukan ketangkasan dan stamina yang tinggi daripada pemain.


Menariknya sukan dodgeball boleh dimainkan lelaki dan perempuan dalam satu pasukan.

[APA KATA MEREKA]



JOSEPH TELAJAN, 26, Kolej Universiti Sains dan Kesihatan Masterskill.

Bertindak sebagai pengulas adalah perkara yang mencabar memandangkan sukan ini masih baru dan perlu mewujudkan suasana yang meriah dan ada keserasian bersama pengulas pihak lawan."



DANSON CHIEW, 24, Kolej Universiti Sains dan Kesihatan Masterskill.

Menariknya sukan ini boleh dimainkan oleh lelaki dan perempuan dalam satu pasukan manakala permainan selama 10 minit benar-benar menguji stamina dan sentiasa fokus kepada balingan bola."



AMIR SHAKIRIN OMAR, 19, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Sukan ini masih baru dan kami seperti satu komuniti kecil yang rapat walaupun berlainan institusi serta sentiasa bertukar idea dan melatih antara satu sama lain, paling utama sukan ini menerapkan sifat kejujuran."

KARA PERMAINAN:

- Memerlukan enam pemain bagi satu pasukan dan setiap perlawanan hanya disertai dua pasukan.
- Pemain hanya perlu membaling bola khas diperbuat daripada getah lembut kepada pihak lawan untuk 'matikan' pemain lawan.
- Apabila wail ditipu, tiga wail pemain setiap pasukan akan berlari ke garisan tengah bagi mendapatkan bola untuk dibalingkan ke pihak lawan.
- Pemain hanya perlu mengelak balingan pihak lawan dan cuba kembali 'matikan' pihak lawan dengan lontaran bola. Pasukan yang ahlinya 'hidup' paling ramai ialah pemenang.
- Pandai 'mencelah' dan mengelak penting bagi terkena balingan bola pihak lawan atau jika bola tersebut terkena tubuh badan, maka pemain tersebut perlu berundur dan keluar gelanggang.
- Namun begitu, perlawanan tersebut tidak berakhir selagi masih ada pemain di kedua-dua belah pihak dan ketika jumlah pemain semakin berkurangan, pemain terakhir perlu memikirkan sesuatu untuk menyelamatkan rakan-rakan sepasukan yang sudah 'mati'.
- Dengan cubaan mengelap balingan bola yang dilontarkan pihak lawan tanpa bola itu jatuh ke tanah atau gelanggang, ini bermakna seorang pemain yang tersingkir pada permulaan perlawanan dapat masuk semula bagi meneruskan perjuangan.

PEMENANG LIGA DODGEBALL KAMPUS 2010:

Tempat Pertama
Universiti UCSI

Tempat KeduaPasukan Pasukan Barbarians Universiti/Kolej Segi

Tempat Ketiga Pasukan Maestro, Kolej Metropolitan